

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
IPOH, PERAK
MAJLIS PENUTUP PERLAWANAN BADMINTON PIALA PUSINGAN
PERDANA
11 OKTOBER 1992**

Yang Amat Berhormat Tan Sri Ramli Ngah Talib, Menteri Besar Perak Darul Riduan; Yang Amat Berbahagia Raja Puan Sri Nor Ashikin, Yang di-Pertua BAIDURI; Yang Amat Berbahagia Yang di-Pertua Badan-badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Negeri-negeri; Yang Berhormat-Yang Berhormat; Saudari-saudari pemain dan penyokong badminton; Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu'alaikum waramahtullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya ingin memanjatkan ucapan syukur kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya sahaja dapat kita berkumpul di sini selama tiga hari untuk bermain badminton dalam perlawanan ke-7 piala pusingan ini.

2. Bersyukur juga kita kerana perlawanan ini selamat sempurna dengan jayanya. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak tuan rumah, iaitu BAIDURI dan Kerajaan negeri Perak kerana mengatur segala persiapan dengan begitu rapi hingga perlawanan ini sampai ke kemuncaknya hari ini. Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berbahagia Raja Puan Sri Nor Ashikin khasnya di atas usahanya untuk menentukan perjumpaan dan perlawanan ini berakhir dengan penuh kejayaan.

3. Bagi pihak semua Badan-badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri yang hadir, dan bagi pihak diri saya sendiri, saya merakamkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak dan suami-suami yang hadir kerana menyerikan majlis ini dan memberi perangsang serta sokongan kepada kita semua. Untuk terus bermain dan mengukuhkan minat bermain, para isteri perlulah didorong dan diberi sokongan penuh oleh para suami dan keluarga. Oleh itu saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Perlawanan badminton antara Badan-badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri bermula pada tahun 1985 anjuran BAKTI di Kuala Lumpur dengan tujuan menggalakkan isteri pemimpin-pemimpin Kerajaan Pusat dan Negeri bermain badminton secara persahabatan. Saya yakin bahawa tali silatul-rahim antara pemain-pemain dan penyokong-penyokong, terjalin erat sepanjang pertandingan ini diadakan.

5. Pada mulanya, tujuan-tujuan murni ini sukar tercapai kerana ketiadaan syarat-syarat dan peraturan-peraturan bermain dan setiap pasukan pada masa itu tidak begitu berkeyakinan untuk bermain. Yang menjadi rebutan ketika itu ialah Piala Pusingan Toh Puan Suhaila selama lima tahun. Namun, semangat dan minat Pasukan-pasukan

Negeri kian meningkat dari setahun kesetahun dan mutu permainan peserta-peserta turut menunjukkan perubahan kepada tahap yang lebih tinggi, bahkan keazaman untuk menjadi juara mendorong mereka mengadakan "centralised training", pertandingan-pertandingan mengikut zon dan lain-lain lagi.

6. Sebagai peserta yang tertua sekali dalam perlawanan ini, saya berpuas hati melihat isteri-isteri bermain dan diketuai pula oleh isteri Menteri Besar atau Ketua Menteri sendiri. Pemain bertukar ganti tetapi tujuan perlawanan ini tidak berubah dan saya berharap ia akan berterusan pada masa-masa hadapan.

7. Seperti saya sebutkan dulu, Piala Pusingan yang menjadi rebutan dari 1985 hingga 1989 ialah Piala Pusingan Toh Puan Suhaila dan Piala itu berpusing ke Pulau Pinang (Bunga Tanjung), Melaka (BISTARI) - dua tahun dan akhirnya BAKTI telah dapat membawanya pulang dengan kejayaan BAKTI Pada tahun 1989.

8. Dalam persediaan untuk merebut Piala Pusingan baru dan yang disebutkan sekarang, iaitu Piala Pusingan Perdana Menteri, peristiwa yang pahit telah berlaku pada tahun 1990 di mana semua pasukan telah menarik diri daripada Perlawanan